



MESEJ KOMUNIKASI KELUARGA DALAM AL-QURAN FAMILY COMMUNICATION MESSAGE IN AL-QURAN

Safinah Ismail¹, Rosmawati Mohammad Rasit², Zulkefli Aini³, Nazneen Ismail⁴, Noraini Mohamad⁵.

¹ Safinah Ismail, Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), safinah@kuis.edu.my

² Rosmawati Mohammad Rasit, Pengerusi, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), rosmawati@ukm.edu.my.

³ Zulkefli Hj Aini, Pensyarah, Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) zulaini@ukm.edu.my

⁴ Nazneen Ismail, Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), (nazneen@kuis.edu.my),

⁵ Noraini Mohamad, pensyarah, Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, (noraini@kuis.edu.my)

*Safinah Ismail, Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), safinah@kuis.edu.my

Artikel diterima: 1 Jan 2018

| Selepas Pembetulan: 2 Jan 2108

| Diterima untuk terbit: 3 Jan 2018

Abstrak

Mesej adalah komponen penting dalam proses komunikasi. Proses komunikasi berjaya jika mesej yang disampaikan dapat difahami dan memberi makna yang tepat. Mesej komunikasi ini banyak disebut dalam al-Quran. Mesej komunikasi juga dibincangkan dalam institusi kekeluargaan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan berkaitan mesej komunikasi keluarga yang terdapat dalam Al-Quran. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan secara bertema. Bagi tujuan ini, ayat al-Quran berkaitan kisah ibu bapa dan anak-anaknya telah dijadikan tumpuan dengan mengangkat tema komunikasi ibubapa dalam institusi keluarga. Kisah telah dipilih daripada Luqman, Nabi Ibrahim A.S, Nabi Nuh A.S, Nabi Ya'kub A.S. Kaedah analisis data dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti elemen mesej komunikasi yang diamalkan oleh ibu bapa dalam keluarga. Dapatan kajian menunjukkan dalam al-Quran terdapat mesej penting yang di paparkan, ia merangkumi akidah (jangan mensyirkkan Allah), ibadah (solat), akhlak (sabar, jangan memaling wajah daripada manusia, jangan berjalan di muka bumi dengan angkuh, perlahankan suara, tawakkal dan keterbukaan). Mesej yang dinyatakan dalam al-Quran dapat diaplikasi oleh ibu bapa masakini dalam kehidupan.

Kata kunci

Mesej, Komunikasi, Keluarga, Komunikasi Keluarga, al-Quran

Abstract

The content of the messages are an essential component in the communication process. The communication process was considered successful if the given message was understood and provide the right meaning. This message of communication is widely mentioned in the Quran. Communication messages are also discussed in the context of family institution. Therefore, this article aims to discuss the message of family communication that was found in the Quran. This article applied the qualitative approach by using the thematic analysis method. Therefore the Quranic verses on the story of parents and their children have been focussed to raise the theme of parental communication in family institutions. The story was been selected was story of Luqman, Prophet Abraham, Prophet Noah and Prophet Jacob. The thematic data analysis was applied to identify the elements of communication messages was used in parental practice. The findings show that in the Quran there are important

messages which is faith, ibadah, morals, tawakkal and openness The message stated in the Quran can be applied by nowadays parents.

Keywords

Family, Communication Message, Al-Quran

1.0 PENGENALAN

Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa adalah orang yang terpenting dalam hidup anak-anak. Sikap ibu bapa yang positif akan melahirkan generasi anak-anak yang positif. Bapa sebagai ketua keluarga memikul tanggungjawab memimpin anak-anak agar menjadi insan yang berjaya dunia dan akhirat. Oleh itu, mewujudkan suasana keluarga yang positif, komunikasi yang baik perlu diamalkan dalam setiap ahli keluarga (Robitoh Widi Astuti 2011). Ibu bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap aspek utama dalam Islam (Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Kajian ini bertujuan mengkaji mesej komunikasi keluarga yang terdapat dalam Al-Quran. Pelbagai contoh keluarga yang disebut dalam al-Quran sebagai panduan kepada para ibu bapa masakini agar berkomunikasi dengan baik dengan anak-anak.

2.0 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa adalah insan yang penting dalam kehidupan anak-anak. Sikap ibu bapa yang positif akan melahirkan generasi anak-anak yang positif. Bapa sebagai ketua keluarga memikul tanggungjawab memimpin anak-anak agar menjadi insan yang berjaya dunia dan akhirat. Oleh itu, mewujudkan suasana keluarga yang positif, komunikasi yang baik perlu diamalkan dalam setiap ahli keluarga (Robitoh Widi Astuti 2011). Ibu bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap aspek utama dalam Islam (Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah, 2015). Individu yang mahir berkomunikasi dengan individu yang lain mampu mewujudkan suasana baik dan positif dalam membina hubungan baik sesama manusia (Mustafa 2002). Begitu juga kajian Che Hasniza & Fatimah (2011) mendapati komunikasi dalam keluarga merupakan satu institusi sosial dan dapat menjelaskan tahap perhubungan antara ahli keluarga. Ia juga turut disokong oleh Barnes dan Olson (1985) yang menjelaskan komunikasi adalah proses membina penyesuaian dalam sebuah keluarga. Kajiannya mendapati apabila hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, maka hubungan keluarga akan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah jika berlaku sesuatu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang timbul adalah disebabkan ibu bapa yang kurang menguasai ilmu keibubapaan. Manakala Baayah Baba (2015) mendapati ramai ibu bapa yang bercakap dengan anaknya namun tidak bermakna kerana mesej yang disampaikan tidak sampai pada sasaran. Bahkan anak-anak tidak fokus dan tidak memahami apa yang diperkatakan.

Jumali (2012) pula menyatakan, terdapat ibu bapa yang berkomunikasi, namun maklumat yang hendak disampaikan tidak dapat difahami oleh anak-anak. Keadaan ini sekaligus memberi kesan negatif malah ia menjadi halangan utama dalam proses komunikasi. Sehubungan dengan itu, Ahmad Kamil (1995) menjelaskan kegagalan terhadap komunikasi atau *communication breakdown* akan mewujudkan suasana persekitaran yang negatif wujud dalam sebuah keluarga. Ini disokong dengan kajian Zulkifli Abdul Hamid et al. (2011), yang mendapati penglibatan ibu bapa dari aspek komunikasi di rumah adalah pada tahap sederhana iaitu min 3.33. Ia juga disebabkan teknik komunikasi yang digunakan kepada anak-anak kurang berkesan kerana perkataan dan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa juga boleh menjadi penghalang dalam komunikasi (Jumali et al. 2012). Manakala kajian Mustafa (2014) mendapati kegagalan ibu bapa dalam keluarga menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral, akhlak serta peribadi anak-anak. Malah ia akan melahirkan perasaan dendam, kejam, tidak bertimbang rasa, bahkan sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Hal ini sekaligus akan mencetuskan kucar kacir dalam keluarga (Md. Hashim, 1987).

Manakala Holy Sumarina (2013) mendapati tiga aspek yang termasuk dalam masalah komunikasi interpersonal iaitu a. masalah teknikal iaitu gangguan pada saluran komunikasi, seperti

radio oleh getaran-getaran sehingga mesej yang disampaikan menjadi kurang jelas. b. masalah semantik, ia sering berlaku dalam tahap proses komunikasi, sesuatu mesej menjadi maksud yang berbeza disebabkan adanya gangguan komunikator seperti salah persepsi. c. masalah manusiawi, iaitu segala masalah yang berasal dalam diri manusia sendiri seperti faktor emosi dan prasangka peribadi, kemampuan atau ketidakmampuan alat panca indera.

2.1 Komunikasi dan Keluarga

Komunikasi adalah satu proses bagaimana individu berkongsi pengalaman dan berhubung dengan seseorang. Setiap individu mempunyai pengalaman yang berbeza. Apabila seseorang menyampaikan pengalamannya kepada orang lain, itu dinamakan komunikasi (Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon, 2010). Istilah "komunikasi" telah diperolehi dari bahasa Latin "komunis," yang bermaksud "biasa". Oleh itu, "untuk berkomunikasi" bermaksud "untuk membuat persamaan" atau "untuk diketahui", "untuk berkongsi" dan termasuk lisan, interaksi manusia tanpa lisan dan elektronik. Ia adalah pertukaran maklumat yang bermakna antara dua atau sekumpulan orang. Selain itu, definisi komunikasi juga adalah apa-apa perbuatan oleh seseorang dalam memberi atau menerima maklumat daripada orang lain tentang keperluan, keinginan, persepsi, pengetahuan, atau keadaan afektif. Pertukaran idea dan pendapat boleh diperolehi dengan gerak isyarat, tanda, isyarat, ucapan atau tulisan (John Velentzas dan Georgia Broni 2014).

Keluarga adalah kesatuan hidup sosial yang dimiliki oleh manusia. Ia terbentuk melalui ikatan perkahwinan atau hubungan darah. Ada yang disebut keluarga inti (nuclear family), iaitu anggotanya terdiri dari ayah dan ibu beserta anak-anak kandung mereka atau anak-anak yang dianggap sebagai anak kandung sendiri. Ada juga keluarga yang anggotanya tidak hanya terdiri dari keluarga inti bahkan menggabungkan keluarga besar seperti saudara mara, sepupu, cucu dan sebagainya (Gloria Mariska L 2007).

Komunikasi merupakan satu dialog dan kerjasama dalam pelbagai aspek dan hubungan antara anggota keluarga khususnya antara ibu bapa dan anaknya. Komunikasi keluarga adalah komunikasi atau interaksi terjadi diantara ibu bapa dengan anaknya agar memberikan kesan, keinginan, sikap, pendapat, dan pengertian yang berlandaskan rasa kasih sayang, kerjasama, penghargaan, kejujuran, kepercayaan dan keterbukaan (Putra, Fajar Pamukti 2010). Komunikasi yang baik dalam keluarga boleh meningkatkan keseronokan, mengeratkan hubungan dan seterusnya membuatkan setiap ahli dalam keluarga merasakan ia dipunyai oleh keluarga tersebut. Komunikasi yang sihat ialah komunikasi secara dua hala. Dengan kata lain, komunikasi keluarga boleh berlaku secara pertuturan bersemuka, bukan pertuturan dan penggunaan perantaraan (Abd Rahim Abd Rashid et al. 2006). Komunikasi dalam keluarga wajar menerapkan pelbagai elemen uslub Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat di samping membina kualiti remaja berkomunikasi. Meneladani intipati uslub baginda dapat membentuk suasana komunikasi keluarga yang baik, ibu bapa khususnya perlu memulakan peranan tersebut ketika anak-anak masih kecil (Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri, 2017).

Kemampuan komunikasi awal bagi perkembangan anak berada di peringkat keluarga. Keluarga yang memiliki budaya berkomunikasi yang baik akan membina hubungan yang baik dalam membina kecerdasan anak-anak. Komunikasi merupakan suatu keperluan bagi anak. Dengan adanya komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak, menunjukkan penerimaan ibu bapa terhadap anaknya (Yenny Wijayanti 2013). Di dalam keluarga, penerima mesej adalah anak-anak (Putra Fajar Pamukti 2010). Ketika komunikasi berlangsung, proses dialog, pertukaran pendapat dan penyampaian nilai akan dibawa oleh ibu bapa. Nilai-nilai tersebut terus dilakukan bagi mempertahankan dari generasi ke generasi. Walau bagaimana pun, interaksi ayah akan mempengaruhi anak dengan cara yang berbeza dengan ibu (Firdanianty 2016). Ibu bapa perlu berkomunikasi dengan anak-anak bagi memberi nasihat dan bimbingan sama ada hal yang berkaitan agama, akademik, kehidupan dan masalah peribadi. Pada masa yang sama perlu komunikasi hati ke hati iaitu memahami jiwa atau internalisasi bagi membentuk suatu kepercayaan (Sidek Baba 2010). Memberi nasihat ketika rekreasi, atas kenderaan, dalam perjalanan, ketika makan dan ketika sakit. Pemberian nasihat perlu waktu yang tepat dan sikap yang bijaksana, jauh dari kekerasan dan kebencian. Ini penting bagi menimbulkan dan menanam rasa percaya diri pada anak. Kepercayaan

diri dapat melahirkan keperibadian yang unggul dengan keyakinan yang kuat terhadap apa yang pernah dilakukan. Jauh dari ketergantungan dengan orang lain, punya sikap kepercayaan dalam diri anak-anak (Nur Wahidah Zambri 2011).

2.2 Mesej

Mesej merupakan intipati dalam proses komunikasi. Ia juga dikenali sebagai utusan, maklumat atau informasi. Ia disampaikan bagi menyatakan sesuatu yang penting (Zulkefli Hj Aini dan S.Salahudin Hj Suyurno 2016). Mesej menerangkan sesuatu perkara yang telah dirancang oleh sumber untuk mengubah sikap dan tingkah laku penerima (Miller, Katherine 2001). Mesej boleh berbentuk lisan atau kata-kata bertulis (Werner J. Severin & James W. Tankard Jr. 1998). Mesej ada yang tersurat dan ada yang tersirat. Mesej yang disampaikan perlu disesuaikan dengan penerima dan tafsirannya berbeza mengikut budaya dan kepercayaan masing-masing.

Mesej komunikasi kepada anggota keluarga untuk mempengaruhi atau membentuk sikap yang disampaikan ibu atau bapa sebagai penyampai. Komunikasi yang baik dalam keluarga boleh meningkatkan keseronokan, mengeratkan hubungan dan seterusnya membuatkan setiap ahli keluarga rasa dihargai. Komunikasi yang sihat ialah komunikasi secara dua hala. Komunikasi keluarga boleh berlaku secara pertuturan bersemuka, bukan pertuturan dan penggunaan perantara (Abd Rahim Abd Rashid et al. 2006). Dalam konteks Islam, mesej adalah *mawdu'* dakwah, ia meliputi akidah, ibadah dan akhlak yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith (Zulkefli Hj Aini dan S.Salahudin Hj Suyurno 2016).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan secara bertema. Bagi tujuan ini, ayat al-Quran berkaitan kisah ibu bapa dan anak-anaknya telah dijadikan tumpuan dengan mengangkat tema komunikasi ibubapa dan komunikasi keluarga. Kisah telah dipilih daripada Luqman, Nabi Ibrahim A.S, Nabi Nuh A.S dan Nabi Ya'qub A.S. Kaedah analisis data dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti elemen mesej komunikasi yang diamalkan seorang bapa dengan anak-anaknya.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Proses komunikasi berlaku dalam konteks kehidupan berkeluarga antara para nabi dan orang soleh yang diceritakan dalam al-Quran. Contohnya Nabi Ibrahim A.S, Nabi Nuh A.S, Nabi Ya'qub A.S, Luqman dan sebagainya. Kisah Nabi Ibrahim A.S dalam al-Quran menunjukkan bahawa sikap keterbukaan seorang ayah terhadap anaknya iaitu meminta sesuatu pendapat dan cara didikan agama yang diterima oleh Nabi Isma'el A.S sehingga baginda sanggup berkorban demi agama kerana ingin mentaati suruhan Allah S.W.T dan perintah bapanya, Nabi Ibrahim A.S.

Maksudnya:

Maka ketika anaknya itu sampai (pada umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Hai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu?" Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insya Allah ayah akan mendapati aku dari orang-orang yang sabar".

(al-Quran, as-Saffat 37:102)

Berdasarkan daripada ayat di atas jelas dibuktikan komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan anak itu telah wujud dari zaman para anbiya". Nabi Ibrahim A.S bertanyakan pendapat anaknya Nabi

Ismail A.S tentang mimpi baginda. Keberhasilan Nabi Ibrahim A.S dalam membina sebuah keluarga yang sejahtera ditunjukkan dengan pelbagai petunjuk dan bukti, di antaranya adalah bagaimana baginda mendidik anaknya walaupun di usia muda, Nabi Isma'īl A.S mempunyai kematangan jiwa serta ketakwaan yang luar biasa (Siti Zainab, 2017). Baginda merupakan seorang bapa yang terbaik di mata keluarganya. Dikurniakan anak yang soleh yang sama seperti baginda yang begitu taat dengan perintah Allah S.W.T dan juga laranganNya. Baginda merupakan seorang ayah yang sangat penyayang kepada anak-anaknya dan selalu menggelar mereka dengan gelaran "*ya bunayyya*" yang melambangkan sayangnya baginda kepada mereka. Namun begitu, selain penyayang, baginda juga mempunyai ciri-ciri seorang ayah yang demokrasi. Walaupun baginda di perintahkan untuk mengorbankan puteranya, baginda masih meminta pendapat Nabi Isma'īl berkaitan hal itu (Rahmi 2015).

Baginda mendoakan agar anaknya melaksanakan solat dan menjauhkan anak cucu baginda daripada menyembah berhala seperti firman Allah S.W.T:

Maksudnya

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

(al-Quran, Ibrahim 14: 40)

Maksudnya:

dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri Makkah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah daku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala.

(al-Quran, Ibrahim 14: 35)

Dalam surah Hud pula, diceritakan kisah Nabi Nuh dengan dengan anaknya yang tidak mahu beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

(Mereka semua naik) dan bahtera itupun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan (sebelum itu) Nabi Nuh memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir". Anaknya menjawab: "Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada ditenggelamkan oleh air". Nabi Nuh berkata: "Hari ini tidak ada sesuatupun yang akan dapat melindungi dari azab Allah, kecuali orang yang dikasihani oleh-Nya". Dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia (anak yang derhaka itu) dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu" dan (ketika itu) surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas gunung "Judi" serta diingatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): "Kebinasanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim".

(al-Quran, Hud 11: 42-44)

Dalam surah ini Allah SWT telah memerintahkan Nabi Nuh A.S dan pengikutnya yang beriman kepada Allah SWT supaya menaiki kapal yang dibina untuk merentasi banjir yang besar pada ketika itu. Ditafsirkan pada ketika itu, permukaan air menjadi sangat tinggi sehingga melebihi paras daratan dan gunung-ganang yang ada. Dengan kuasa Allah S.W.T, perahu atau bahtera yang dibina tersebut mampu berjalan di permukaan air yang sangat tinggi. Dalam Tafsir Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa Nabi Nuh A.S telah memanggil anaknya yang bernama Yaam, supaya bersama-sama menaiki perahu tersebut. Namun malangnya, anaknya yang kafir ketika itu masih mempercayai bahawa air tersebut tidak akan melebihi paras kawasan tanah tinggi dan menyatakan bahawa ia akan berlindung di kawasan puncak. Dalam tafsiran ayat ini dapat dilihat kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya.

5.0 PERBINCANGAN

Dalam kisah di atas terdapat beberapa mesej penting komunikasi keluarga yang dibahaskan. Mesej yang menjadi tema dalam komunikasi keluarga adalah berkaitan akidah (tawhid), ibadah dan akhlak. Dari sudut aqidah iaitu Luqman menasihatkan anaknya berkaitan jangan mensyirikkan Allah SWT, jangan mentaati kedua ibu bapa dalam melakukan syirik pada Allah SWT (al-Qurtubi 2009), persoalan hari akhirat dan disertai dengan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan di dalam jiwa. Luqman menjelaskan bahawa syirik merupakan kezaliman yang besar kerana meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya dan ia merupakan dosa besar kerana menyamakan Allah SWT dengan berhala yang tidak mampu melakukan sesuatu pun (al-Maraghi 2009). Haji Abdul Malik Karim Amrullah (2007) menyebut bahawa jiwa manusia yang dipenuhi tawhid adalah jiwa merdeka. Sesiapa yang menyekutukan Allah SWT, jiwa mereka itu tidak merdeka, bahkan pegangannya akan rapuh serta mereka menganiaya diri mereka sendiri. Al-Quran juga menjelaskan asas pertama di dalam persoalan aqidah iaitu hubungan aqidah haruslah dijadikan hubungan utama yang mesti didahulukan daripada hubungan keturunan dan hubungan darah. Walaupun hubungan keturunan dan darah merupakan satu hubungan mesra dan kuat, namun ia merupakan hubungan kedua dari hubungan pertama iaitu tawhid (Sayyid Qutb 1992). Ini berterusan kepada sebuah penerangan yang amat berkesan ketika menggambarkan kebesaran ilmu Allah SWT yang halus dan syumul yang membuat hati manusia gementar walau di mana mereka berada.

Manakala Nabi Nuh A.S mengingatkan anaknya bahawa tidak ada yang mampu selamat melainkan dengan perlindungan daripada Allah S.W.T (al-Qurtubi, 2008). Manakala wasiat juga telah dilakukan agar anak-anak di jalan yang benar berdasarkan kisah Nabi Ya^ckub A.S. Nabi Ya^ckub A.S berwasiat dan berkata, "Wahai anak-anakku, sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untukmu." Oleh itu, Nabi Ibrahim memberikan wasiat kepada anak-anaknya, begitu juga Nabi Ya^ckub A.S memberikan wasiat kepada anak-anaknya (Al-Qurtubi, 2001) agar tetap dalam Islam dan jangan meninggalkan (Islam) sehingga anak-anaknya meninggal dunia. Mesej berkaitan ibadah pula ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim A.S, Luqman agar mendirikan solat. Solat adalah amalan yang penting bagi umat Islam kerana ia adalah tiang agama. Dalam solat ada keredaan-Nya kerana orang yang solat dia tunduk kepada Allah S.W.T. Dalam solat mengandungi banyak hikmah, ia boleh mencegah diri dari perkara yang mungkar. Apabila seseorang melakukan solat dengan sempurna, ia dapat membersihkan jiwanya (al-Maraghi, 2009).

Seterusnya mesej berkaitan akhlak, dapat dilihat daripada nasihat Luqman iaitu berbuat baik kepada ibu bapa, merendahkan suara, tidak bersifat bohong dan sabar menghadapi akibat-akibat kesusahan dan kesulitan yang menimpa seperti sakit dan sebagainya (al-Qurtubi, 2009). Ini merupakan antara adab ketika berkata-kata di samping bercakap ketika perlu (Ahmad Hasan Mohd Nazam, 2012) dan di bincangkan tentang syukur, ada yang menyebut bahawa syukur itu syukur kepada Allah SWT atas nikmat iman dan syukur kepada ibu bapa kerana nikmat pendidikan (al-Qurtubi 2009). Luqman melarang anaknya dari perilaku yang buruk dan diterapkan dengan perilaku yang baik iaitu 'bersederhanalah kamu dalam berjalan'dengan sikap rendah hati atau bertawadhuk (al-Maraghi, 2009). Sabar menanggung kesusahan turut ditekankan. Seorang anak perlu berbakti kepada kedua ibu bapa dengan cara yang baik bagi menjaga hak mereka, Walaupun begitu, berbakti kepada ibu bapa tidak boleh melanggar hak Allah SWT (Al-Maraghi, 2009). Berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah daripada Allah SWT walaupun ibu bapanya berbeza agama (Abdul Malik Karim Amrullah, 2007).

Manakala mesej yang ditunjukkan oleh Nabi Ya^ckub A.S pula adalah sikap sabar dalam berhadapan dengan karenah anak-anaknya. Baginda diuji dengan dipisahkan daripada anak kesayangan oleh anak-anaknya sendiri. Peristiwa ini hanya disebabkan oleh rasa hasad dalam diri mereka. Namun, baginda Nabi Ya^ckub A.S tetap memilih untuk sabar dan memohon pertolongan Allah S.W.T. Baginda juga tidak berputus asa dan sentiasa optimis bahawa akan dipertemukan dengan anak kesayangan walaupun tiada khabar berita daripadanya. Keyakinan dan tawakkal yang tidak berbelah bahagi ini diakhiri dengan pertemuan semula dalam keadaan yang lebih baik (Sa^cid, 2002). Kebergantungannya kepada Allah S.W.T dalam berhadapan dengan ujian anak ditunjukkan dengan mengadukan perasaan sedihnya hanya kepada Allah S.W.T. Tambahan pula, baginda berhadapan dengan dua kali kehilangan iaitu Nabi Yusuf A.S dan Bunyamin apabila kedua-duanya

berada bersama dengan abang-abang mereka ke tempat yang jauh daripada penglihatan baginda (al-Sya^crawi, 2006). Mesej daripada kisah Nabi Ibrahim A.S dapat dilihat sudut akhlak iaitu sikap keterbukaan seorang ayah terhadap anaknya iaitu meminta sesuatu pendapat. Nabi Ibrahim A.S bertanyakan pendapat anaknya Nabi Isma^cil A.S tentang mimpi baginda. Nabi Ibrahim A.S dapat membina sebuah keluarga yang sejahtera dan dapat dilihat daripada pelbagai petunjuk dan bukti. Begitu juga anaknya Nabi Isma^cil A.S, baginda mempunyai kematangan jiwa serta ketakwaan yang luar biasa. Kematangan jiwa Nabi Isma^cil A.S bukanlah datang dengan tiba-tiba, tetapi ada proses yang membentuknya seperti yang diceritakan dalam al-Quran (Siti Zainab, 2017).

6.0 PENUTUP

Mesej adalah komponen penting dalam proses komunikasi. Proses komunikasi berjaya jika mesej yang disampaikan dapat difahami dan memberi makna yang tepat. Mesej komunikasi ini banyak disebut dalam al-Quran. Ia merangkumi akidah (jangan mensyirikkan Allah), ibadah (solat) dan akhlak iaitu sabar, jangan memaling wajah daripada manusia, jangan berjalan di muka bumi dengan angkuh (jangan bongkak), perlahankan suara, tawakkal dan sebagainya. Ibu bapa yang disebut dalam al-Quran dapat dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa masakini agar terus menyampaikan mesej yang berguna kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa yang indah di samping memanggil gelaran anak-anak dengan gelaran yang menunjukkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak.

Penghargaan

Dapatan ini merupakan sebahagian daripada kajian yang mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (KUIS/PB/2018/GPIK 1/GPI/ 009) di bawah tajuk *Komunikasi Ibubapa Dalam Kalangan Pendakwah*.

7.0 RUJUKAN

Al-Quran

Al-Alusi, Shihabuddin Mahmud ibnu Abdullah al-Husaini. t.th. Rūhūl Macānī fī Tafsīr al Quran al cAzīm wa Sabcu al Mathānī. t.tp: t. pt.

Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, Jamaludin Tubah. 2006. Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur :Utusan Publication&Distributors Sdn Bhd

Ahmad Hasan Mohd Nazam. 2012. Wasiat Luqman Al Hakim. Kuala Lumpur.Telaga Biru Sdn Bhd.

Ahmad Kamil Mohamed. 1995. Keunggulan Berkomunikasi Menjadi Komunikator Unggul Dalam Era Masyarakat Informasi. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.

Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri. 2017. Komunikasi Keluarga Berdasarkan Uslub Nabi SAW. Jurnal al-Turath, 2.

Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain bin Masud. 1997. Macālim al-Tanzīl. Jil 8. t. tp: Dar tayyibah lil nasyr wa al tawzik

Al-Sya^crawi, Muhammad Mutawalli. (2006) Qasas al-Anbiya' wa Ma'aha Sirat al-Rasul. T.tp: Dar al-Quds.

Baayah Baba (2015) Mendidik anak abad 21: Satu Pengalaman. Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.

Ibnu Kathir al-Dimsyiqi. 2003. Qasas Al-Quran. Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiah.

- Firdanianty, Djuara Pangihuta Lubis , Herien Puspitawati , Djoko Susanto.2016. Komunikasi Remaja Dengan Ayah Masih Minim: Studi Pada Siswa SMA di Kota Bogor. Jur. Ilm. Kel. & Kons: 124-135: <https://www.researchgate.net/publication/314716592> [8 November 2018]
- Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). 2007. Tafsir Al Azhar Jilid 7. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam.Global Journal al Thaqafah. VOL 5 ISSUE 2:89-97
- Al-Jazairi Abu Bakar Jabir. 2008. Tafsir Al-Quran Al-Aisar .Jil 5. Jakarta Timur: Darus Sunnah Press.
- J.Severin Werner, W. Tankard Jr James. Teori Komunikasi (Terj) Vincent Lowe, Abdullah Bin Hasan.1988.Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- John Velentzas, Georgia Broni. 2014. Communication Cycle : Definition, process, models and examples. Recent Advances in Financial Planning and Product Development. Greece: Technological Institute of Western Macedonia.
- Jumali Selamat, Khaidzir Ismail, Shahrudin Ahmad, Mohd Helmi Abd Rahim (2012) Komunikasi Berkesan : Aplikasi Untuk Remaja. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miller, Katherine. 2012. Organizational Communication: Approaches and Processes. Stamford: Cengage Learning.
- al-Khalidy, Solah Abdul Fattah. 2004. Maa Qasas al-Sabiqin fi Al-Quran. Damsyiq: dar al-Qalam.
- Gloria Mariska L., 2014.Proses Komunikasi Orang Tua-Anak Pada Keluarga Dengan Ibu Bekerja Dan Ayah Sebagai Ayah Rumah Tangga. Jurnal E-Komunikasi. Vol 2. No.1:1-12.
- al-Maraghiy. 2001.Tafsir Al-Maraghiy. Terj Muhammad Thalib.Jil 11(Juz 21& 22)Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Khair Ramadhan Yusuf 2006. Kisah Luqman Al-Hakim & Kebijaksanaannya. Jasmin Enterprise.
- Putra, Fajar Pamukti. 2010. Komunikasi Keluarga Dalam Membentuk Disiplin Anak Remaja. Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, 19.
- Al-Qahtahi, Said bin Ali bin Wahf. 2015. Muhammad Muhtadi (terj) Panduan Lengkap Tarbiyatul Aulad. Solo: Penerbit Zam Zam.
- Al-Qurtubi. 2009. Al Jami' li Ahkaam al-Quran. Terj. Fathurrahman Abdul Hamid,Dudi Rosyadi, Marwan Affandi. Jakarta Selatan. Pustaka Azzam.
- Rahmi 2015. Tokoh Ayah Dalam Al-Quran Dan Keterlibatannya Dalam Pembinaan Anak. Kafa'ah: Jurnal Ilmiah Kajian Gender Vol.V No.2
- Rezki Perdani Sawai & Sapora Sipon 2010. Permata Berbicara: Komunikasi Dalam Keluarga .Ed 2.Nilai: Penerbit USIM.
- Robitoh Widi Astuti. 2011. Komunikasi Orang Tua dan Anak Perspektif Kisah dalam al- Quran. Tesis Sarjana. UIN Sunan Kalijaga
- Sa'id Abd al-'Azim. (2002). Qasas al-Anbiya' 'Izat wa 'Ibar. Kaherah: Dar al-'Aqidah.
- Sayyid Qutb, 1992. Fi Zhilalil Quran. 1412 H/1992 M. Beirut. Kaherah: Darul Syuruq.

Sidek Baba. 2010. Keluarga Sakinah. Shah Alam: Alaf 21.

Yenny Wijayanti. 2013. Proses Komunikasi Interpersonal Ayah Dan Anak Dalam Menjaga Hubungan. Jurnal E-Komunikasi. Vol I. No.3:129

Yusoff Zaky Haji Yacob. 2000. Tafsir Fi Zilalil Qur'an (Di Bawah Bayang Al-Quran)-Versi Terjemahan Melayu. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif ismail. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. Journal of Islamic and Arabic Education 3(2) : 31-40

Zulkefli Hj Aini dan S.Salahudin Hj Suyurno. 2016. Pengantar Komunikasi Dakwah.Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.UKM.